

PM tegur golongan antikemajuan

B.H - 5 JAN 1993

(P)

KANGAR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menegur kumpulan yang mengembangkan ajaran antike-majuan dengan anggapan umat Islam yang miskin lebih kukuh iman mereka.

Perdana Menteri berkata, kumpulan antikemajuan itu mengajak umat Islam kembali kepada keadaan masyarakat Islam 1400 dahulu.

"Sebarang usaha menayakan orang Islam di dunia dianggap tidak penting, malah bertentangan dengan agama. Tidak hairan jika masyarakat dan negara Islam di seluruh dunia tidak ada yang maju di segi ekonomi atau cekap di bidang pembuatan dan pemasaran.

"Negara Islam yang kaya pula kerap kali menggunakan kekayaan untuk permusuhan ketika orang Islam sendiri atau tidak mampu mengurus kekayaan sumber negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-35 di Stadium Datuk Sheikh Ahmad, malam ini.

Dr Mahathir berkata, umat Islam sebaliknya perlu berusaha dengan gih dan meningkatkan taraf hidup sesuai dengan

firman Tuhan dalam surah al-Jumaah ayat 10, yang bermaksud; *Kemudian setelah selesai sembahyang Jumaat, maka bertebaranlah kamu di mukabumi untuk menjalankan urusan masing-masing dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah.*

"Ini bererti bahawa pada hari Jumaat pun kita tidak disuruh beristirahat semata-mata. Kita harus bekerja mencari rezeki," katanya.

Menurutnya, kecekapan umat Islam mengurus harta kekayaan dan kemampuan menguasai pelbagai bidang ilmu adalah penting supaya imej umat dan agama Islam yang hilang, pulih semula.

Beliau turut mengajak umat Islam mengamalkan sunnah dan sifat terpuji Rasul yang berjaya di bidang perniagaan.

"Dalam hubungan ini ada disebut di dalam hadis bahawa 9/10 daripada punca rezeki itu adalah daripada perniagaan atau perdagangan.

"Jika sunnah Rasul menjadi panduan, kita harus membabitkan diri di bidang perniagaan dan perusahaan dengan tekun serta jujur dan gih.

"Oleh itu, bagi umat Islam, kualiti utama untuk

berjaya di bidang perniagaan dan perusahaan ialah kegigihan dan kejujuran. Masyarakat Islam di negara ini akan dapat mengambil bahagian dalam proses kemajuan dan menjadi umat yang maju setanding bangsa lain.

"Dengan itu, imej agama dan umat Islam yang hilang sejak zaman kegemilangan Islam beratus tahun dahulu, akan pulih," katanya.

Beliau berkata, penguasaan ilmu perdagangan, perusahaan serta sains dan teknologi di kalangan umat Islam di negara ini masih di tahap rendah walaupun menyedari bidang itu perlu untuk pembangunan negara dan kejayaan Wawasan 2020.

Katanya, sejarah kegemilangan Islam di abad-abad lalu membuktikan penguasaan ilmu sains dan teknologi meletakkan negara dan umat Islam di tempat yang tinggi di mata dunia.

Beliau juga meminta umat Islam berusaha menjadi pencipta dan pengeluar pelbagai barang keperluan hidup yang mereka beli sekarang ini.

Dr Mahathir berkata, orang Islam mundur dan dipandang rendah bukan kerana al-Quran dan ha-

dis, tetapi tafsiran yang dibuat oleh pihak tertentu yang mempunyai kepentingan.

Katanya, al-Quran tidak bertukar tetapi banyak tafsiran yang dibuat pada masa lalu tidak tepat dan perlu diperbetulkan.

"Al-Quran yang ditafsir secara betul tidak akan menghalang kemajuan umat sepertimana ia tidak menghalang kemajuan umat Islam dahulu dan sudah tentu tidak akan menjadikan mereka lemah dan dihina seperti berlaku sekarang.

"Tema tilawah kali ini tepat pada masanya ketika kita giat memperkatakan Wawasan 2020. Tema itu bermaksud sesuatu umat yang ingin kejayaan dan kemajuan mesti mempunyai wawasan yang jelas," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap semua pihak menjadikan al-Quran dan hadis sahih sebagai panduan hidup yang akan membimbing manusia ke arah kemajuan seimbang di dunia dan akhirat.

Dr Mahathir berkata, umat Islam di negara ini harus bersyukur kerana dengan izin Allah, mereka dapat beribadat dan mengadakan majlis agama tanpa sekatan.